

Malaysia cuba yakinkan dunia guna Dinar Islam

BH 24 JUL 1981

Oleh Kadir Dikoh, Wan Hazmir Bakar dan Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia akan terus berusaha meyakinkan negara Islam supaya menggunakan Dinar Islam dalam urusan niaga pada peringkat antarabangsa bagi menggantikan dolar Amerika Syarikat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, satu seminar membabitkan negara Islam dan tokoh perbankan akan diadakan tidak lama lagi bagi membincangkan mekanisme untuk tidak terlalu bergantung kepada dolar Amerika.

"Kita mahu menentukan bagaimanakah dapat kita wujudkan Dinar Islam dan apakah peranan yang boleh dimainkan mata wang itu dalam meningkatkan dagangan terutama di antara negara Islam.

"Malah, bagaimana ia boleh digunakan dengan

Satu seminar membabitkan negara Islam dan tokoh perbankan akan diadakan tidak lama lagi bagi membincangkan mekanisme untuk tidak terlalu bergantung kepada dolar Amerika

negara lain yang mengiktiraf Dinar ini, kerana ia mempunyai nilai yang dikaitkan dengan nilai emas," katanya menjawab soalan tambahan Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Sg Benut) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, Malaysia membuat cadangan penggunaan Dinar Islam sebelum ini bagi mengelak daripada menggunakan dolar Amerika.

Katanya, kini 80 peratus

daripada urusan pembayaran perdagangan antara-bangsa menggunakan dolar Amerika hingga menyebabkan dolar mendapat permintaan tinggi.

"Apabila ada permintaan untuk mata wang, maka ia menjadi kukuh. Kalau kita tidak bergantung sangat kepada mata wang Amerika ini, maka kita tidak perlu ikat ringgit dengan dolar Amerika.

"Sebaliknya, kalau kita mengadakan Dinar Islam

yang berbentuk emas, maka segala dagangan kita dengan negara Islam atau bukan Islam yang bersejua menggunakan dinar emas ini, akan memudahkan proses jual-beli dan proses bayaran hutang," katanya.

Menjawab soalan tambahan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian), Dr Mahathir menjelaskan jika manamana negara sanggup membayar melalui Dinar Islam dalam bentuk emas bagi pembelian minyak daripada Petronas, Malaysia bersedia menerima.

Katanya, pada waktu ini tidak ada siapa yang sanggup membayar dengan emas apabila mereka membeli minyak daripada Petronas.

"Kita yang mencadangkan dinar ini, kerana kita berpendapat bahawa amat penting sekali kita tidak terlalu bergantung kepada dolar Amerika. Apabila kita bergantung kepa-

da sesuatu, maka sedikit sebanyak kebebasan kita terhakis.

"Ini adalah usaha yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) dan tidak diusahakan oleh mana-mana kerajaan lain, tidak juga diusahakan oleh kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu. Kalau mereka sanggup meminta orang bayar kepada mereka dalam bentuk emas, silalah," katanya.

Beliau juga berkata negara Islam mengakui kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam mewujudkan sistem perbankan Islam sehingga ramai menghantar delegasi untuk mempelajari sistem itu dari negara ini.

"Mereka juga meminta pakar kita pergi menasihati mereka kerana ingin menubuhkan bank Islam atau bank muamalat. Kita nampaknya sudahpun menerajui negara Islam lain dalam bidang pemben-

tukan sistem perbankan Islam," katanya.

Kepada soalan asal Abdul Hamid, Dr Mahathir berkata adalah menjadi hasrat dan dasar kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam terkemuka di rantau ini.

Malah katanya, Malaysia juga memainkan peranan untuk memberi bantuan teknikal dan pemindahan kepakaran kepada Indonesia, Brunei, Singapura, Bangladesh dan beberapa negara di Asia Barat yang ingin mempelajari secara lebih mendalam pendekatan bagi melaksanakan perbankan dan kewangan Islam.

Beliau berkata, dalam Kumpulan 8 (D-8), Malaysia adalah komited untuk menggalakkan lagi penubuhan syarikat takaful di negara-negara Islam supaya lebih banyak lagi rangkaiannya dijalankan di peringkat antarabangsa.